

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : HED 05/2026
Tarikh : 09 Mei 2026

PENGARAH,
Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah
Kulim Hi-Tech Park,
09000 Kulim, Kedah.
(u.p : **Ketua Unit Perhubungan dan Latihan Industri**)

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Tuan/Puan,

TAWARAN PENEMPATAN LATIHAN INDUSTRI BERSAMA HASANI EDAR SDN. BHD.

Merujuk kepada perkara di atas, kami Hasani Edar Sdn. Bhd. sebuah syarikat yang berdaya saing dan berpengalaman dalam industri pengedaran serta peruncitan buku dan alat tulis dengan sukacitanya ingin membuka peluang penempatan latihan industri kepada pelajar dari institusi Tuan/Puan.

2. Inisiatif ini merupakan sebahagian daripada komitmen kami untuk menyumbang kepada pembangunan modal insan melalui platform latihan yang bersifat praktikal dan berorientasikan industri sebenar. Latihan yang ditawarkan adalah untuk tempoh **minimum tiga (3) bulan ke atas** dengan objektif untuk memperkasa kemahiran, pengetahuan dan nilai profesional pelajar sebelum melangkah ke alam kerjaya sebenar.

3. Bidang penempatan yang ditawarkan seperti berikut :

- | | |
|-------------------------------------|------------------------|
| I. Perniagaan / Peruncitan | V. Pemasaran |
| II. Akauntansi / Perakaunan | VI. Sumber Manusia |
| III. Seni dan Reka Bentuk | VII. Teknologi Media |
| IV. Logistik (Stor) – Lelaki Sahaja | VIII. Industri Kreatif |

4. Penempatan boleh dibuat di mana-mana cawangan kami yang terletak di **Sungai Petani, Perai, Kulim, Gurun, Jitra, Alor Setar dan Langkawi** tertakluk kepada kekosongan dan kesesuaian bidang. Sebagai insentif, **elaun bulanan akan disediakan** bagi menyokong kebajikan pelajar sepanjang tempoh latihan.

5. Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut berkaitan penempatan latihan industri ini, Tuan/Puan boleh menghubungi Cik Fatin Athirah di nombor talian **017-7951137** atau melalui emel **hasanibooks.acc@gmail.com**. Pihak kami amat mengalu-alukan penempatan pelajar daripada institusi Tuan/Puan dan yakin bahawa kerjasama ini dapat memberikan nilai tambah kepada kedua-dua pihak dalam melahirkan graduan yang berkualiti dan berdaya saing.

Segala perhatian dan sokongan daripada pihak Tuan/Puan amat kami hargai.

Sekian, terima kasih.

“TEMAN AKADEMIK ANDA”



EN. NUR MUHAMMAD FAIZAL BIN ABDUL WAHID
PENGURUS

